



## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

**MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN**  
**JALAN YAHAYA AHMAD**  
**23000 DUNGUN, TERENGGANU**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

| Bil. | Keterangan aset   | *Nombor Pendaftaran Kenderaan | Tahun Perolehan | Harga Simpanan |
|------|-------------------|-------------------------------|-----------------|----------------|
| 1.   | MITSUBISHI PAJERO | TQ 2456                       | 1993            | RM 7,000.00    |
| 2.   | MITSUBISHI PAJERO | TAF 5115                      | 2003            | RM 9,000.00    |

2. Aset boleh dilihat pada **15/06/2025** hingga **19/06/2025** di antara jam **08.30 PAGI** hingga **04.30 PETANG** di **DEPO MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN, BATU TUJUH (7), DUNGUN.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di **UNIT PENGURUSAN ASET DAN STOR**, Majlis Perbandaran Dungun bermula **15/06/2025** Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **SH/MPD/(PA)/1/25** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**JABATAN KEJURUTERAAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN**  
**JALAN YAHAYA AHMAD**  
**23000 DUNGUN**  
**TERENGGANU DARUL IMAN**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **06/07/2025** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

  
.....  
(HAJI) LUKEMA MERI BIN SALLEH @ ABDUL LATIF  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Dungun  
Jalan Yahaya Ahmad  
23000 Dungun, Terengganu.

Tarikh: 28/5/25 .....

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5%** daripada harga tawaran bagi setiap aset atau **RM 5,000.00** mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat. (***as-is-whare-is basis***).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Penyebut harga yang Berjaya perlulah mendapatkan sendiri perakuan PUSPAKOM bagi urusan pindah milik kenderaan. Pihak Majlis Perbandaran Dungun tidak akan menanggung sebarang kos mendapatkan perakuan PUSPAKOM atau kos pindah milik kenderaan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
10. Pihak Majlis Perbandaran Dungun juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya tuan gagal mendapatkan perakuan dari PUSPAKOM.
11. Penyebut harga yang Berjaya akan dihubungi melalui telefon dan perlu hadir ke Majlis Perbandaran Dungun untuk mengambil surat pembayaran.

\*Nota: Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan

**BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH**

Nama Individu/ Syarikat :

No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat:

Alamat:

---

---

---

Kepada:

---

---

---

(Nama

dan Alamat Kementerian atau Jabatan)

Tuan,

***Tawaran Untuk Sebut Harga No. ....../.....***

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

| Bil | Keterangan Aset | Kuantiti | Harga Tawaran<br>(RM) | Deposit Sebut<br>Harga |
|-----|-----------------|----------|-----------------------|------------------------|
|     |                 |          |                       |                        |
|     |                 |          |                       |                        |
|     |                 |          |                       |                        |
|     |                 |          |                       |                        |
|     |                 |          |                       |                        |
|     |                 |          |                       |                        |

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM\_\_\_\_\_ (Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_) dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank, No. \_\_\_\_\_ atas nama \_\_\_\_\_ (Kementerian atau Jabatan).

4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....